

AKHBAR	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	17
HARI & TARIKH	01/01/2016	RUANGAN	NASIONAL
DISEMAK OLEH			

BH

1 JANUARI 2016 @ JUMAAT

Fahami hak, had pertahanan diri dalam undang-undang

» Orang ramai wajar rujuk perundangan sebelum beri komen melulu

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Orang ramai perlu memahami hak dan had mempertahankan diri seperti yang termaktub dalam undang-undang sebelum mengkritik dan memberi komen melulu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata undang-undang menjelaskan sejauh mana had untuk mempertahankan diri yang termaktub bukan saja untuk orang awam malah anggota polis.

“Ramai orang tidak tahu setakat mana had hak mempertahankan diri. Seksyen 99, Kanun Keseksaan menjelaskan setakat mana hak mempertahankan diri yang boleh digunakan oleh orang ramai.

“Hak mempertahankan diri itu bukan mutlak.. jika ada orang nak curi atau nak samun, kita tidak boleh bunuh mereka sewenang-wenangnya,” katanya.

Kes tikam penceroboh

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kes seorang lelaki dikenali sebagai Zulkifli yang didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh selepas menikam mati seorang lelaki yang menceroboh rumahnya di Kampung Labuhan, Kerteh, Kemaman, Terengganu.

Khalid berkata, Seksyen 99 memang memberikan individu hak untuk mempertahankan diri.

BH 17 Nasir 1/1/2016

“Bagaimanapun, perincian dalam Seksyen 99(3) menjelaskan, tidak ada hak pertahanan persendirian dalam hal yang sempat mendapat perlindungan pihak berkuasa awam.

“Seksyen 99(4) pula menjelaskan, hak pertahanan persendirian tidaklah sekali sekala termasuk mengenakan kerosakan yang lebih daripada yang

perlu dikenakan bagi maksud pertahanan,” katanya.

Tindakan melebihi sepatut

Sehubungan itu, katanya, hak mempertahankan diri tidak boleh melebihi had yang dibenarkan mengikut peruntukan undang-undang iaitu tidak boleh mengambil tindakan melebihi yang sepatutnya.

Katanya, isu berkenaan itu turut diviralkan oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM) menerusi laman Facebook menggunakan tajuk ‘Selamatkan Zulkifli’ serta infografik tiga kes lain bertajuk ‘Undang-undang Malaysia – Salahkah Pertahanan Diri?’

“Kita sudah jalankan siasatan menyeluruh berhubung tiga kes yang dinyatakan itu.

“Siasatan mendapati polis menjalankan siasatan dengan penuh profesional berlandaskan undang-undang dan tiga tertuduh dalam kes itu sudah dihadapkan ke muka pengadilan,” katanya.

“

Hak pertahankan diri itu bukan mutlak.. jika ada orang nak curi atau nak samun, kita tidak boleh bunuh mereka sewenang-wenangnya”

Khalid Abu Bakar,
Ketua Polis Negara